

HIKMAH TAKBIR DAN FALSAFAHNYA

Allāhu akbar, Allāhu akbar, Allāhu akbar; Lā ilāha illa Allāh Allāhu akbar, Allāhu akbar; wa lillāh al-ḥamdu. Allāhu akbar kabīrā, wa al-ḥamdu lillāhi kathīrā, wa subḥana Allāhu bukratan wa aṣīla. Lā ilāha illa Allāhu wa lā na‘budu illā iyyāhu mukhlīṣīna lahu al-dīn wa law kariha al-kāfirūn. Lā ilāha illa Allāhu waḥdah, ṣadaqa wa ‘dah, wa naṣara ‘abdah, wa a‘azza jundahu wa hazama al-aḥzāba waḥdah; Lā ilāha illa Allāhu wa Allāhu akbar, Allāhu akbar wa lillāh al-ḥamdu.

((Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar, tidak ada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, dan Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar dan bagi Allah jua segala puji: Allah yang Maha Besar, dengan sebenar-benar besar, dan Maha Suci Allah pada pagi dan petang. Tidak ada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, dan kami tidak menyembah melainkan kepada-Nya jua dengan suci hati bagi-Nya agama, walaupun dibenci oleh orang-orang yang kafir. Tidak ada Tuhan melainkan Allah sendiri, yang benar janji-Nya, yang Maha menolong hamba-Nya, yang menguatkan tentera-Nya, dan yang mengalahkan berbagai-bagai pasukan tentera musuh dengan sendirinya. Tidak ada Tuhan yang sebenarnya melainkan Allah, dan Allah yang Maha Besar. Allah yang Maha Besar dan bagi-Nya jua segala pujian.

Umat Islam baik lelaki atau perempuan merayakan Hari Raya Islam, sama ada Hari Raya Aidilfitri ataupun Hari Raya Aidiladha, telah diperintahkan oleh Rasulullah *ṣallā Allah ‘alayhi wa sallam* supaya membanyakkan ((takbir)) yang tersimpul dalam kalimah ((*Allāhu akbar!*))

Takbir Aidilfitri

Umat Islam dalam merayakan Hari Raya Aidilfitri – sepanjang yang diperintahkan oleh Rasulullah (SAW) – ialah membaca ((takbir)) mulai dari petang hari akhir

bulan Ramadan hingga kepada waktu berdiri sembahyang Hari Raya pada pagi 1 hari bulan Syawal. Membaca takbir bukan hanya sekali baca tetapi berulang kali dan sebanyak-banyaknya. Kerana takbir itu ialah perhiasan bagi Hari-hari Raya Islam, sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah (SAW), sabdanya:

((*Zayyinū a ‘yādakum bi al-takbīr*)). (Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir).

Dalam suatu hadis yang lain, Nabi (SAW) bersabda:

((*Zayyinū al- ‘aydayni bi al-tahlīli wa al-takbīri wa al-tahmīdi wa al-taqdīsī*)). (Hiasilah dua Hari Raya itu dengan tahlil dan takbir dan tahmid dan *taqdīs*).

Dengan hadis-hadis ini jelaslah bagi kita, bahawa dalam merayakan Hari Raya (Aidilfitri dan Aidiladha) itu, kita diperintahkan menghiasinya dengan tahlil, takbir, tahmid dan *taqdīs*.

Menurut beberapa hadis sahih, bahawa umat Islam dalam zaman Nabi dan kemudiannya zaman sahabat, adalah mereka merayakan Hari Raya dengan membaca ((takbir)) berulang-ulang siang malam, baik di jalan atau di rumah; mereka tidak lupa dan tidak malu-malu membaca takbir, lebih-lebih lagi pada waktu mereka berangkat dari rumah

ke tempat sembahyang Hari Raya. Demikianlah umat Islam dalam zaman Nabi dan sahabat.

Sebabnya Membaca Takbir

Apa sebabnya takbir dibaca banyak-banyak pada Hari Raya?

Pertanyaan ini tidak akan dapat dijawab dengan tepat oleh sesiapa pun, kerana perintah membaca ((takbir)) pada Hari Raya ialah suatu perintah ((*'ubūdiyyah*)), iaitu satu perintah ((ibadat)) yang diperintahkan dan dicontohkan oleh junjungan kita Nabi Muhammad (SAW), yang tidak dapat difikirkan sebab-sebabnya. Walaupun demikian, tetapi umat Islam yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya dengan sebenar-benarnya, adalah penuh keyakinan bahawa perintah itu tentulah ada mengandungi hikmah yang besar, lalu mereka berkekalan mengerjakannya dengan ikhlasnya.

Sesungguhnya bacaan ((takbir)) itu diperintahkan membacanya bukan sahaja pada hari-hari raya tetapi juga pada tiap-tiap hari seyogianya dibaca dengan sebanyak-banyaknya.

Dalam sembahyang lima waktu sehari semalam, umat Islam diwajibkan membaca takbir ((*Allāhu akbar*)) lebih daripada 80 kali, dan akan bertambah pula kalau mereka sembahyang sunat.

Pada tiap-tiap hari, sebanyak lima kali, bilal pula akan membaca takbir di dalam ((bang)) dengan suara yang menawan hati.

Falsafah Takbir

Orang-orang yang mengucap kalimah ((*Allāhu akbar*)) yang bererti, ((Allah yang Maha Besar)) adalah ia telah mengakui akan kebesaran Allah *'Azza wa Jalla*. Orang yang demikian sudah barang tentu hatinya telah penuh percaya bahawa Allah itu Maha Besar dan sekalian makhluk-Nya adalah kecil belaka,

baik tentang keadaan atau kekuasaan-Nya.

Kepercayaan kepada Allah yang Maha Besar itu mengandungi erti bahawa yang wajib wujudnya dengan kekal abadi, tidak didahului oleh ketiadaan (*'adam*) serta tidak rosak binasa selama-lamanya, yang bersifat kesempurnaan dan suci dari segala kekurangan. Tidak ada seorang jua pun yang dapat menyamai kebesaran-Nya dan mengalahkan kekuasaan-Nya. Kepercayaan yang sedemikian tentu menumbuhkan perasaan tunduk bersyukur kepada-Nya, dan dengan tulus ikhlas pula mengabdikan diri kepada-Nya. Dialah juga yang menjadi tumpuan harapan dan kepada-Nyalah jua tertentu bagi-Nya segala kepujian.

Kandungan Kalimah Takbir

Kalau seseorang itu telah yakin di hatinya bahawa Allah *subhānahu wa Ta'ālā* ialah ((Yang Maha Besar)) dan kepada-Nya jua menjadi tumpuan ibadat tentulah ia tidak akan dapat ditakluk oleh sesuatu jua pun. Dan tidak akan dapat dikalahkan oleh lainnya. Ia pula sangat gagah perkasa, terhadap orang-orang yang ingkar yang hendak memusuhi agama-Nya. Dalam pada itu ia bersopan santun, berani membela kebenaran agama yang telah dipeluknya. Ia juga berbudi, baik tutur katanya, tinggi cita-citanya dan bersifat kasih sayang kepada sesama makhluk, kerana dengan itu menunaikan perintah dan meninggalkan larangan Allah yang Maha Besar. Ia sentiasa bersedia untuk berkorban dengan harta bendanya dan jiwanya untuk mencari keredhaan Allah yang Maha Besar.

Kandungan Kalimah Takbir

Falsafah dan hikmah yang terkandung dalam kalimah ((*Allāhu akbar*)) itu ialah umbi tauhid. Tauhid dengan

reti kata yang sebenarnya, iaitu tauhid kepada zat, sifat dan *af'āl*nya. Tauhid yang berjiwa dan hidup dalam hati sanubari orang yang mengucapkan kalimah yang mulia itu.

Huraiannya yang lanjut adalah seperti berikut:

1- Tauhid zat, iaitu mencurahkan segenap akal fikiran kita kepada keesaan zat Allah, tidak ada sesuatu yang teringat atau terbayang dalam akal fikiran kita, melainkan Allah jua.

2 – Tauhid sifat, iaitu mempercayai dengan sepenuh-penuhnya, bahawa segala sesuatu yang dikatakan ada itu sebenarnya tidak ada. Kerana asal mulanya ((tidak ada)), dan akan kembali menjadi ((tidak ada)) pula. Yang ada hanya Allah yang Maha Besar!

3 – Tauhid *af'āl*, iaitu mengakui dengan sepenuh-penuh pengakuan, bahawa sekalian makhluk yang ada di dalam alam ini adalah di bawah kekuasaan Allah, kerana semuanya diciptakan oleh-Nya, tidak ada sesuatu pun dari makhluk-makhluk itu yang dapat memberi bekas di antara satu dengan lain melainkan dengan izin Allah jua.

Berhubung dengan itu, maka orang yang bertauhid dengan tiga jenis ((tauhid)) ini, sudah barang tentu penuh kepercayaan bahawa ((tidak ada Tuhan yang sebenarnya, Tuhan yang wajib ditaati, melainkan Allah jua.)) Dan Dialah yang Maha Besar, besar kekuasaan-Nya, dan besar segala-galanya.

Lebih lanjut orang yang berkepercayaan sedemikian itu, akan terbongkar dan terkikislah segala macam kepercayaan yang berlawanan dengan itu dari ingatan dan fikirannya. Dengan hal yang demikian akan tersimpullah keyakinannya bahawa:

((Tidak ada yang menghidupkan, melainkan Allah)).

((Tidak ada yang mematikan, melainkan Allah)).

((Tidak ada yang memberi rezeki, melainkan Allah)).

((Tidak ada yang mendatangkan manfaat, melainkan Allah)).

((Tidak ada yang menolak mudarat, melainkan Allah)).

((Tidak ada yang kuat dan berkuasa, melainkan Allah)).

Dan segala sesuatu yang dikatakan ((ada)) itu akan hancur binasa, melainkan Allah jua yang kekal abadi.

Manusia, jin dan lain-lain makhluk, tidak akan dapat berbuat baik atau buruk kepada seseorang, melainkan dengan izin Allah, kerana mereka itu di bawah kekuasaan Allah.

Oleh sebab itu, tidak perintah yang wajib ditaati, melainkan perintah Allah; dan tidak ada larangan yang wajib di jauhi, melainkan larangan Allah.

Segala sesuatu yang dikatakan kuat dan berkuasa, adalah tetap di bawah kekuatan dan kekuasaan Allah. Demikian juga segala sesuatu yang dikatakan besar, adalah tetap di bawah kebesaran Allah.

Inilah sebahagian dari pati pelajaran yang terkandung di dalam kalimah ((tauhid)), tauhid zat, tauhid sifat-sifat, dan tauhid *af'āl*. Pelajaran-pelajaran sudah diamalkan oleh umat Islam dalam zaman Nabi dan zaman sahabat. Dengan itu mereka telah dapat membuktikan maksud ayat suci:

((*Wa li Allāhi al-'izzatu wa li rasūlihi wa li al-mu'minīn*)). (Dan kemuliaan itu bagi Allah dan bagi Rasul-Nya dan bagi

Bersambung ke muka 33

Sambungan dari muka 13.

orang-orang yang beriman).

Pengaruh Takbir

Kembali kepada falsafah bacaan takbir. Sepanjang yang tersebut di dalam hadis, bahawa Rasulullah (SAW) memberi pertunjuk kepada sekalian umatnya tentang membaca ((takbir)) itu, iaitu bukan hanya pada Hari Raya, dalam masa mereka sedang raya dan gembira sahaja, tetapi juga dalam masa menghadapi musuh. Baginda memberi pertunjuk supaya bala tentera Islam membanyakkan bacaan takbir dengan nyaring untuk mendengarkan kalimah ((Allāhu akbar)) itu kepada pihak tentera lawan. Pertunjuk Rasulullah (SAW) itu tentulah mengandungi hikmah yang besar, iaitu menambahkan ketakutan mereka kepada Allah, menguatkan hati mereka dan menebalkan semangat keberanian mereka menentang musuh.

Allāhu akbar, Allāhu akbar, Allāhu akbar, lā ilāha illa Allāh waḥdahu, lā sharīka lah, lahu al-mulk wa lahu al-ḥamdu wa huwa 'alā kulli shay'in qadīr. Āyibūn, tā'ibūn, 'ābidūn, sājidūn li rabbīnā ḥamidūn. Ṣadaqa Allāhu wa 'dahu, wa naṣara 'abdah. Wa a'azzu jundahwa hazama al-aḥzāba waḥdah, lā ilāha illa Allāhu wa Allāhu akbar, Allāhu akbar wa lillāhi al-ḥamdu!

((Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar, Allah yang Maha Besar. Tidak ada Tuhan yang sebenarnya, melainkan Allah jua, tidak ada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya semua pekerjaan dan bagi-Nya pula segala puji, dan Dialah yang berkuasa atas segala sesuatu. Kita sama kembali, kita tentera-Nya dan mengalahkan segala tentera musuh dengan sama bertaubat, kita sama beribadat, kita sama bersujud, kepada Tuhan kita sama memuji; Dia yang benar janji-Nya, yang menolong hamba-Nya, yang memberi kemenangan kepada sendirinya.))

Umat Islam dewasa ini hendaklah sedar, bahawa dalam zaman permulaan Islam, bacaan ((Allāhu akbar)) itu sangat besar pengaruhnya dalam kalangan umat manusia, terutama di dalam dada tiap-tiap orang yang membacanya. Yakni dalam zaman itu ucapan dan bacaan takbir yang tersebut dapat menimbulkan perubahan-perubahan yang cepat serta luar biasa di tengah-tengah masyarakat mereka, dan dapat membawa berbagai-bagai peristiwa yang sangat menakjubkan orang ramai.

Riwayat dunia telah menyaksikan, bahawa perubahan-perubahan yang terjadi dalam lingkungan masyarakat bangsa Arab pada zaman itu, adalah sesudah mereka mendapat pimpinan dari junjungan kita Nabi Muhammad (SAW) yang pada tiap-tiap hari mengucapkan kalimah takbir yang berhikmah itu.

Demikianlah sendi perubahan bangsa Arab dengan kalimah ((Allāhu akbar)), terlepaslah mereka itu daripada keadaan yang buruk dan mundur, kepada keadaan yang baik dan maju serta berjiwa baharu. Perubahan yang besar itu telah dilakukan oleh junjungan hanya dalam masa dua puluh tiga tahun sahaja.

Mengapa Sedemikian Pengaruhnya

Orang tentu bertanya: Mengapa kalimah takbir sedemikian besar pengaruhnya dalam kalangan masyarakat umat Islam pada masa itu?

Demikianlah salah satu bacaan ((takbir)) yang dibaca oleh Rasulullah (SAW) dan sahabat-sahabatnya ketika menghadapi bala tentera musuh, dan dalam masa beroleh kemenangan yang gilang-gemilang, sebagaimana hingga sekarang ini masih tersebut dalam kitab-kitab *tawārīkh*.

Umat Islam pada zaman itu ketika itu tatkala mengucapkan kalimah takbir bukan sahaja di bibir, tetapi sampai ke hati sanubarinya, sampai meresap ke urat

Dalam kamus al-Marbawī, karangan

Muhammad Idrīs al-Marbawī, yang telah lama dibaca dan disimpan oleh umum ahli-ahli agama di seluruh Tanah Melayu ini pada muka 347 baris yang ke sepuluh dari atas ada berkata:

Ḍab j (jama'nya – p) Aḍubb:

binatang biawak lihat rupa gambarnya ini halal.

ḥ.ḥ (ḥ.ḥ ini maksudnya kitab

ḥayāt al-ḥayawān al-kubrā – karangan al-Syeikh

Kamāl al-Dīn al-Damīrī.

darahnya, dan sampai ke dalam jiwa masing-masing. Dengan demikian maka datanglah suatu pengaruh dalam jiwa mereka, bahawa segala sesuatu yang selain Allah adalah kecil belaka. Kecil erti kata yang sebenarnya. Tidak ada yang lebih besar selain daripada kebesaran Allah. Allah sendirilah yang Maha Besar.

Dengan keyakinan ini, hilanglah perasaan takut kepada sesama manusia, lenyaplah perasaan lebih rendah daripada orang lain, musnahlah khawatir dalam menghadapi musuh. Kerana yang ada itu semuanya makhluk belaka.

Dan sekarang.....periksalah diri kita: sudahkah kita bertauhid kepada Allah?

Adakah kita mengucap takbir tiap-tiap hari dan pada tiap-tiap hari sebagaimana yang telah dilakukan oleh umat Islam zaman dahulu?

Kalau belum, sayugialah dipelajari sehingga berhasil sebagaimana yang telah dibuktikan oleh umat Islam kita pada zamannya yang keemasan!

Allāhu akbar, Allāhu akbar, Allāhu akbar, lā ilāha illa Allāhu wa Allāhu akbar, Allāhu akbar wa lillāhi al-ḥamdu.

(Khulāṣah buah qalam Tuan Haji Munawwar Khalil).

Pada muka 135 – 137 jilid yang kedua kitab Hayat “Al-Ḥayawān al-Kubrā” cetak Maṭba‘ah al-Sa‘ādah Mesir tahun 1330 Hijrīyyah – setelah mengenalkan jenis-jenis rupa dan keadaan hidup ḍab (biawak) itu menyatakan hukumnya begini:

Hukum memakan ḍab: ḍab itu diharamkan memakannya dengan ijma‘. Di dalam kitab “al-Wasīṭ” diterangkan bahawa segala binatang yang merayap (*ḥasharāt*) tidak boleh dimakan melainkan “ḍab”. Di dalam kitab “Mushkil”nya, ibn al-Ṣalāḥ berkata bahawa keterangan (kitab al-Wasīṭ) itu tidak memuaskan, kerana di antara binatang-binatang yang merayap itu “Yarbu” (seakan-akan tupai) dan “landak” (pada hal keduanya halal). Kedua-dua binatang telah disebut oleh al-Zuhrī dan lain-lainnya.

Bukhāri dan Muslim meriwayatkan daripada ibn Abbās (r.ḍ) bahawa Rasulullah (SAW) telah ditanya orang tentang binatang ḍab itu: “Haramkah dia atau halal?” Nabi menjawab: “Tidak, tetapi dia (binatang ḍab itu) tiada didapati di bumi kaumku, dan kerana itu aku merasa jijik kepadanya”.

Dalam “Sunan” Abū Dāud, bahawa Rasulullah (SAW) telah berludah (meludah) apabila terpancang dua ekor ḍab yang telah sedia dipanggang. Khālid pun berkata: “Ya, Rasulullah, nampaknya tuan mensifatkan ḍab itu kotor.” (Kemudian Abū Dāud menyebut akan akhir hadis itu yang tersebut di atas). Dalam suatu hadis (riwayat Muslim), bahawa Nabi (SAW) menyatakan: “Aku tidak memakannya – ḍab itu – dan aku pula tidak mengharamkannya”. Dalam suatu riwayat yang lain pula bahawa baginda bersabda (maksudnya): “Makanlah kamu akan dia (ḍab itu) kerana dia halal, tetapi bukanlah daripada makananku”.